

KEMASUKAN ARTIKEL LARANGAN KE DALAM PENJARA:
REALITI ATAU ILUSI DAN LANGKAH-LANGKAH MENGATASI

Disediakan oleh:

PUAN HAJAH ZALINA BINTI HAJI AWANG @ MAMAT

TUAN AHMAD SANUSI HAJI YAHAYA

PUAN NOOR EZWANEE BINTI MOHAMAD

PUAN ESAH BINTI MOHD SAID

di bawah

PROGRAM PERUNDANGAN, ILKAP

KEMASUKAN ARTIKEL LARANGAN KE DALAM PENJARA:
REALITI ATAU ILUSI DAN LANGKAH-LANGKAH MENGATASI

PENDAHULUAN

1. Penjara adalah sebuah institusi terakhir dalam pelaksanaan "*Criminal Justice System*" yang mana penjara merupakan suatu institusi bagi menahan individu yang telah dihukum oleh mahkamah. Ia merupakan tempat yang mana banduan akan ditahan, dikurung, dikawal dan menjalani pelbagai aktiviti pemulihan sehinggalah tarikh mereka dibebaskan. Mana-mana individu yang waras pemikirannya tidak akan terdetik untuk menjadikan penjara sebagai sebuah tempat penyinggahan sementara kehidupan mereka.
2. Seringkali penjara digambarkan dengan suatu gambaran yang cukup menggerunkan. Ia berbeza dengan kehidupan di dunia bebas dan perbezaannya amat ketara bukan sekadar daripada penampilan fizikal, malahan ianya merupakan satu tempat yang mana satu kumpulan pekerja yang terlatih (pegawai penjara atau pegawai rendah penjara) berkhidmat untuk mengurus dan menjaga satu kumpulan manusia yang bergelar "banduan/tahanan/juvana" (kumpulan kedua).
3. Subseksyen 2(1) Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], mentakrifkan banduan sebagai seseorang, sama ada disabitkan atau tidak, yang *dikurung* dalam sesuatu penjara dan berhubung dengan banduan yang disabitkan, termasuklah banduan yang dilepaskan secara parol. Subseksyen yang sama juga

memperuntukkan “pegawai penjara” ertinya seseorang kakitangan berpakaian seragam Jabatan Penjara daripada dan termasuklah pangkat Komisioner Jeneral Penjara ke bawah sehingga dan termasuklah seseorang Wadar manakala “Pegawai Rendah Penjara” ertinya seseorang pegawai penjara daripada apa-apa pangkat dan termasuklah seseorang Sub-Inspektor Penjara ke bawah sehingga dan termasuklah seseorang Wadar.

4. "Banduan /tahanan /juvana" seringkali dirujuk sebagai 'Kumpulan kedua'. Mereka tidak datang ke penjara secara sukarela. Mereka adalah kumpulan orang yang ditangkap, dibicarakan dan dihukum oleh mahkamah atas kesalahan yang dipertuduhkan atau dibicarakan terhadap mereka. Tempoh penahanan mereka adalah berdasarkan kepada perintah hukuman yang telah diputuskan oleh mahkamah. Banduan dikurung dan dihalang daripada meninggalkan kawasan penjara oleh pengawal, tembok dan pagar. Mereka hidup mengikut peraturan yang ditetapkan dan pergerakan mereka adalah amat terkawal.

5. Institusi Penjara di Malaysia adalah di bawah kawal selia Jabatan Penjara Malaysia dan bertanggung jawab sepenuhnya kepada Kementerian Dalam Negeri Malaysia.¹ Jabatan Penjara Malaysia telah menjalankan pelbagai modul pemulihan ke atas banduan yang telah dihukum penjara. Falsafah kepenjaraan itu merupakan satu ukuran ketamadunan bagi kehidupan sesebuah masyarakat sesebuah negara. Dengan demikian, penjara dilihat sebagai bukan hanya bertujuan melaksanakan hukuman semata mata tetapi memulihkan

¹ <http://jpmportal.prison.gov.my/plpp/index.php/en/profile-pulapen/sejarah-pulapen/sejarah-jabatan-penjara>

banduan supaya bertaubat dengan perbuatan salah mereka demi memulakan kehidupan baharu yang lebih bermakna dan kembali ke pangkuan masyarakat. Asas pemulihan bermula dengan pengukuhan sahsiah diri penghuni menerusi Program Pembangunan Insan dan pemulihan merangkumi aspek kaunseling, agama, disiplin diri, kemahiran vokasional, pendidikan dan laluan kerjaya.

PELAPORAN OLEH MEDIA UMUM

6. Pelaporan akhbar bertarikh 5hb Mac 2019² melaporkan bahawa seramai lapan orang pegawai penjara dan seorang pemandu kenderaan warga asing telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi membantu siasatan berhubung dengan kes penerimaan wang rasuah yang dianggarkan bernilai lebih RM120,000.00 di sekitar negeri Pulau Pinang, Kedah dan Pahang. Siasatan awal mendapati kesemua pegawai penjara tersebut telah menerima wang suapan dianggarkan bernilai lebih RM120,000.00 daripada pemandu kenderaan tersebut yang bertindak sebagai orang tengah sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap kemasukan barangan terlarang ke dalam penjara. Kesemua suspek disiasat mengikut subseksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] iaitu kesalahan menerima suapan atau rasuah.

7. Pada awal tahun 2019, bekas Ketua Polis Negara iaitu YBhg. Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dilaporkan memberitahu bahawa sejumlah 9.88 kilogram syabu, 16.4 kilogram heroin dan 940 biji pil ekstasi telah dirampas daripada

² <https://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sprm-tahan-8-pegawai-penjara-dipercayai-terima-rasuah-1.854113>

sindiket yang bergiat menyeludup dadah untuk diagihkan kepada banduan di Penjara Simpang Renggam, Johor. Berdasarkan kepada akhbar ini, beliau dilaporkan berkata—

“..jika ada yang berfikir penjara adalah tempat paling sesuai untuk pemulihan banduan, fikir sekali lagi! Dan, sekiranya yang dimasukkan ke penjara adalah penagih dadah, jangan sekali-kali fikir mereka akan tersisih langsung dari najis No.1 itu. Terkurung di dalam sel dan tembok tidak bererti mereka bebas dari dadah. Malah mereka mungkin boleh terus berdengung sebagai penagih tegar. Sebab telah terbukti tembok berjeriji yang dikawal ketat setiap saat pun boleh dibolosi benda haram itu. Ertinya banduan dalam sel kini bebas menerima dadah. Malah, mereka mungkin lebih selesa dan selamat menagih di dalam tembok besi, sebab bekalan sentiasa terjamin, dan tiada siapa yang mereka takuti. Hakikatnya ialah 9.88 kilogram syabu, 16.4 kilogram heroin, 940 biji pil ekstasi, telah dirampas dari sindiket yang bergiat menyeludup dadah untuk diagihkan kepada banduan di penjara Simpang Renggam, Johor. Lebih mengejutkan, pembolosan dadah di penjara berkenaan disyaki telah berlaku sejak 2017. Dadah yang dirampas adalah dipercayai bernilai RM814,000.”³

8. Pelaporan media utama tersebut tidak dinafikan telah mencalar imej Jabatan Penjara. akibat daripada perbuatan-perbuatan segelintir kakitangan Jabatan Penjara tersebut yang telah menggadaikan maruah mereka demi kepentingan peribadi kewangan mereka dengan cara ‘mengkomersilkan’ jawatan mereka

³ <https://www.sinarharian.com.my/article/7990/KOLUMNIS/Penjara-kita-pun-dibolosi-dadah!>

membekalkan dadah kepada banduan yang ditahan di penjara. Pendedahan ini menunjukkan bahawa kemasukan artikel larangan ke dalam penjara bukanlah lagi suatu ilusi tetapi merupakan suatu realiti yang tidak boleh dinafikan walaupun situasi seperti ini sering kali dikatakan sebagai suatu kes yang terpencil.

APAKAH ARTIKEL LARANGAN

9. Subseksyen 58(2) Akta 537 memperuntukkan seperti berikut:

“Smuggling of prohibited articles into prison

58. (2) *In this section, "prohibited article" means any drugs, money or liquor and includes any instrument or article as may be prescribed by the Commissioner General from time to time.*”

10. Selaras dengan peruntukan seksyen 58 dan subseksyen (2) Akta 537, Komisioner Jeneral telah menyenaraikan bahawa rokok adalah artikel larangan dalam penjara sebagaimana yang dinyatakan oleh Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Penjara Malaysia, Puan Kaulsalya Dewi a/p Sathoo. Dengan demikian, perbuatan menukarkan barangan dengan rokok merupakan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana pihak yang terlibat.⁴

⁴ http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/berita?fac_next_page=htdocs/berita/ViewBerita.jsp?id=2

11. Peraturan 68 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 [*P.U. (A) 325/2000*] pula memperuntukkan bahawa artikel larangan juga terpakai terhadap apa-apa wang, pakaian, makanan, minuman, tembakau, surat, kertas, buku, perkakas atau artikel lain. Peraturan 68 memperuntukkan seperti yang berikut:

Artikel yang tidak dibenarkan

68. (2) Tiada seorang pun boleh tanpa kebenaran:

(a) membawa atau mencampakkan ke dalam, atau menyimpan di dalam, penjara; atau

(b) membawa kepada mana-mana banduan, atau menyimpan dengan tujuan untuk dijadikan milikan mana-mana banduan, apa-apa wang, pakaian, makanan, minuman, tembakau, surat, kertas, buku, perkakas atau artikel lain.

ADAKAH KEMASUKAN ARTIKEL LARANGAN BENAR BERLAKU, REALITI ATAU ILUSI

12. Kisah di sebalik tirai besi tidak banyak diketahui umum kerana penjara merupakan sebuah tempat yang terasing dan bukan sewenang-wenangnya masyarakat atau individu awam boleh masuk dan keluar tanpa kebenaran khas daripada mereka yang bertanggungjawab. Terdapat beberapa kes yang

terpencil yang membuktikan bahawa kisah kemasukan artikel larangan ke dalam penjara adalah benar berlaku dan perlu dipandang dengan serius kerana ia berkait kepada integritim pihak Jabatan Penjara Malaysia. Kisah berikut merupakan beberapa kes terpencil berdasarkan kepada kajian di media masa dan testimoni daripada bekas banduan yang pernah dihukum dengan hukuman penjara.

13. Pada 23 Julai 2008, Penjara Pulau Pinang telah menganjurkan kempen dikenali sebagai "*Kempen Artikel Larangan Sifar Di Dalam Penjara*". Kempen ini juga turut dihadiri oleh Majistret, wakil daripada Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan lain-lain jabatan. Penganjuran kempen ini adalah bagi membincangkan isu kemasukan artikel larangan ke dalam kawasan utama penjara (daku) dan luar kawasan utama penjara (laku).
14. Tidaklah keterlaluan untuk dikatakan bahawa kempen ini digerakkan bagi memerangi gejala kemasukan artikel larangan ke dalam penjara⁵. Langkah Jabatan Penjara Pulau Pinang tersebut merupakan suatu inisiatif yang baik dan bijak untuk menangani gejala tersebut dan wajar disokong bagi menambahbaik integriti Jabatan Penjara.
15. Kenyataan Pengarah Penjara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, YBrs. Tuan Abdul Kadir Rais, semasa Pelancaran Kempen Jalur

⁵ http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/berita?fac_next_page=htdocs/berita/ViewBerita.jsp?id=268

Gemilang sempena Hari Kebangsaan ke-62 peringkat Negeri Selangor di Maktab Penjara Malaysia yang berbunyi:

“...tidak hadir bertugas paling kerap dilakukan oleh kakitangan diikuti dengan kesalahan menyeludup artikel (barang) larangan”.

“Kesalahan menyeludup artikel larangan ini seperti rokok, tembakau dan telefon bimbit...banyak kes ini kita serahkan kepada pihak polis,”

“Abdul Kadir turut menjelaskan, kes-kes yang pernah berlaku membabitkan kesalahan menyeludup artikel larangan seperti kakitangan menyeludup barangan larangan dari luar dan dibawa masuk untuk diberi kepada penghuni penjara”.

*“Namun, katanya dalam kes berlainan terdapat juga penghuni yang menyeludup artikel larangan ini untuk kegunaan sendiri”.*⁶

16. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa kemasukan artikel larangan ke sebalik tirai besi adalah benar berlaku dan langkah-langkah untuk mengatasinya telah diambil dengan menyerahkan kes-kes yang berjaya dikesan kepada pihak Polis Diraja Malaysia.

⁶ <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/08/598305/tidak-hadir-bertugas-antara-kesalahan-kerap-petugas-penjara-pengarah>

17. Selanjutnya, kes **MAHADHIR MOHAMAD lwn. LEMBAGA TATATERTIB KUMPULAN & YANG LAIN**⁷ di Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan merujuk kepada suatu kes '**PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO DA-25-2-04/2016**'. Dalam kes ini, Pemohon adalah merupakan seorang bekas Warden Penjara gred KX 12 yang sebelum ini bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan. Pada 4 Disember 2013, Pemohon telah menjalani pemeriksaan khas lucut pakaian bertempat di Bilik Timbalan Penguasa Bertugas. Hasil pemeriksaan tersebut, terdapat tiga bungkus artikel terlarang iaitu tembakau seberat 249.6 gram yang dijumpai di bahagian poket belakang seluar, di dalam stokin sebelah kiri dan di dalam stokin sebelah kanan Pemohon. Ini merupakan satu kesalahan yang melanggar Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Pada 7 Mac 2014, Pemohon menerima surat daripada Responden Pertama yang mengandungi pertuduhan dan pemakluman tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat di bawah Peraturan 37 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pemohon dikatakan melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu melanggar tatakelakuan di bawah perenggan 4(2) (d) (f) (g) dan (i) Peraturan yang sama dan diminta untuk mengemukakan representasi secara bertulis untuk menjelaskan sebab mengapa Pemohon perlu dibebaskan daripada pertuduhan.
18. Melalui permohonan untuk 'Semakan Kehakiman', Pemohon telah memohon kepada Mahkamah suatu Perintah *Certiorari* bagi membatalkan dan

⁷ **MAHADHIR MOHAMAD lwn. LEMBAGA TATATERTIB KUMPULAN & YANG LAIN [2017] 1 LNS 663**

mengenepikan keputusan penamatan perkhidmatan yang dibuat oleh Responden-Responden yang berkuatkuasa pada 7 Julai 2014. Pemohon memohon relif-relif sebagaimana yang berikut:

- 18.1 satu Deklarasi bahawa penamatan perkhidmatan Pemohon oleh Responden-Responden merupakan satu penamatan yang tidak sah; dan
 - 18.2 Pemohon diambil semula untuk bekerja tanpa apa-apa kehilangan dari segi jawatan dan kekananan dalam perkhidmatan tersebut dan segala tunggakan gaji dan elaun Pemohon dibayar atau Pemohon di ambil semula bekerja dengan diberikan pilihan hukuman yang lebih ringan selain hukuman buang kerja.
19. Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman ketika itu Yang Arif Ahmad bin Bache yang mendengar permohonan tersebut di Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 16 Februari 2017 telah menolak permohonan tersebut dengan kos sebanyak RM3,000. Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, Pemohon telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan melalui Notis Rayuan bertarikh 28 Februari 2017. Kes ini merupakan suatu ilustrasi yang jelas yang menunjukkan bahawa gejala aktiviti kemasukan 'Artikel Larangan' ke dalam penjara merupakan suatu fenomena yang benar berlaku dan mencalarkan imej Jabatan Penjara.

20. Selain itu, kes suatu 'Perintah Tahanan Kerja' terhadap seorang Pegawai Penjara **GREK KA20** melalui surat daripada Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan bertarikh 30 Mac 2017 merujuk kepada suatu kesalahan di bawah peraturan 37 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang mana Penama dikatakan melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu melanggar tatakelakuan di bawah perenggan 4(2) (d) (f) (g) dan (i) Peraturan yang sama. Tindakan terhadap Penama telah diambil kerana dikatakan Penama telah membawa masuk artikel larangan atau *barang-barang salah tersebut iaitu tembakau dan telefon bimbit*. Akibat daripada kesalahan yang dilakukan, Penama telah diambil tindakan buang kerja oleh pihak Jabatan Penjara. Oleh yang demikian, kejadian ini jelas menunjukkan bahawa kemasukan artikel larangan ke dalam penjara bukanlah sekadar omongan kosong semata-mata.
21. Walaupun kes-kes yang dinyatakan di atas merupakan insiden terpencil, tindakan yang wajar perlu diambil bagi memastikan integriti dan imej Jabatan Penjara sentiasa dipelihara sejajar dengan konsep Penjara Sejahtera yang dislogankan oleh Jabatan Penjara. Konsep Penjara Sejahtera telah diperkenalkan bagi maksud memperkasakan pengurusan kepenjaraan dengan mematuhi standard antarabangsa, undang-undang dan peraturan bagi mengekalkan keselamatan, kesejahteraan dan hak-hak asasi kakitangan dan penghuni di Jabatan Penjara Malaysia.⁸ Konsep Penjara Sejahtera dengan slogan "menjadi institusi koreksional bertaraf dunia" telah diterapkan dalam

⁸ <http://penjaramalaysia.blogspot.com/2013/>

pengurusan kepenjaraan dengan membuat penambahbaikan dalam tiga elemen penting iaitu keselamatan, pemulihan dan pengurusan.

ADAKAH UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN BERKENAAN DENGAN LARANGAN KEMASUKAN ARTIKEL LARANGAN KE DALAM PENJARA MENCUKUPI?

22. Kajian yang dilakukan menunjukkan terdapat beberapa peruntukan sama ada dalam Akta 537 mahupun dalam peraturan-peraturan di bawah Akta 537 yang menggariskan tatacara mengenai 'Artikel Larangan' dan keseluruhannya menjuruskan kepada larangan dan kesalahan untuk sesuatu artikel larangan daripada dibawa masuk ke dalam penjara. Kajian seterusnya mendapati bahawa Akta dan peraturan-peraturan berikut digunapakai untuk menghalang kemasukan artikel larangan ke dalam penjara seperti seksyen 58 Akta 537.
23. Seksyen 58 Akta 537 memperuntukkan—

“Smuggling of prohibited articles into prison

58. (1) *A person who smuggles or attempts to smuggle a prohibited article into or out of a prison shall be guilty of an offence and shall be liable, on conviction, to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.*

(2) *In this section, "prohibited article" means any drugs, money or liquor and includes any instrument or article as may be prescribed by the Commissioner General from time to time."*

24. Jelas sekali menunjukkan bahawa seksyen 58 Akta 537 adalah merupakan suatu peruntukan umum (*general provision*) yang secara langsung melarang penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara dan sesiapa yang didapati bersalah boleh dihukum dengan hukuman denda berjumlah RM 10,000.00 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya.
25. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 antara lain memperuntukkan seperti yang berikut:

Pemeriksaan

11. (1) Tiap-tiap banduan hendaklah diperiksa apabila diterima masuk dan pada bila-bila masa kemudiannya sebagaimana yang diarahkan, dan semua artikel yang tidak dibenarkan hendaklah diambil daripadanya.
26. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 ini juga menyatakan bahawa ketika pemeriksaan dilakukan, artikel larangan yang ditemui hendaklah dirampas dan ini menunjukkan suatu langkah daripada skop undang-undang yang digubal bagi membanteras kemasukan artikel larangan ke dalam penjara.
 27. Peraturan 68 Peraturan-Peraturan Penjara pula menggaris panduan seperti yang berikut:

Artikel yang tidak dibenarkan

68. (1) Tiada banduan boleh ada dalam milikannya apa-apa artikel yang tidak dibenarkan dan apaapa artikel sedemikian yang dijumpai dalam milikannya hendaklah dirampas oleh Pegawai yang Menjaga.

(2) Tiada seorang pun boleh tanpa kebenaran—

(a) membawa atau mencampakkan ke dalam, atau menyimpan di dalam, penjara; atau

(b) membawa kepada mana-mana banduan, atau menyimpan dengan tujuan untuk dijadikan milikan mana-mana banduan, apa-apa wang, pakaian, makanan, minuman, tembakau, surat, kertas, buku, perkakas atau artikel lain.

(3) Apa-apa artikel yang tidak dibenarkan yang dibawa, dicampakkan atau disimpan boleh dirampas oleh Pegawai yang Menjaga.

28. Peraturan 69 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 juga memperuntukkan—

Merokok, dll. dilarang

69. Tiada seorang pun banduan boleh dibenarkan merokok atau ada dalam milikannya apa-apa tembakau kecuali mengikut apa-apa perintah

sebagaimana yang diberikan oleh Pegawai yang Menjaga dengan kelulusan Ketua Pengarah.

29. Adalah jelas bahawa Peraturan 69 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 menegah banduan daripada merokok di dalam kawasan penjara dan ia secara langsung merupakan suatu penegasan yang jelas bahawa rokok adalah dinyatakan sebagai antara artikel larangan. Ini jelas menunjukkan bahawa perundangan sedia ada untuk menghalang kemasukan rokok sebagai artikel larangan ke dalam penjara secara dasarnya adalah mencukupi.
30. Peraturan 70 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 pula memperuntukkan—

Memeriksa orang dan menggeledah kenderaan

70. (1) Semua orang, termasuk penasihat undang-undang seseorang banduan dan kenderaan yang memasuki atau meninggalkan penjara boleh diperiksa dan digeledah, dan mana-mana orang disyaki membawa apa-apa artikel yang dilarang ke dalam penjara, atau membawa keluar apaapa artikel yang dilarang atau apa-apa harta kepunyaan penjara, hendaklah ditahan dan notis segera hendaklah diberikan kepada Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh menolak kemasukan seseorang yang enggan diperiksa atau yang kelakuannya tidak sopan ke dalam penjara.

(3) Pegawai yang Menjaga boleh mengarahkan supaya dikeluarkan dari penjara seseorang yang semasa di dalam penjara enggan diperiksa atau yang kelakuannya tidak sopan.

31. Adalah jelas bahawa Peraturan 70 Peraturan-Peraturan ini turut memperkasakan kawalan terhadap kemasukan artikel larangan ke dalam penjara yang mana, mana-mana orang yang didapati membawa artikel larangan masuk ke dalam penjara hendaklah ditahan dan tidak dibenarkan masuk ke dalam penjara atas apa-apa tujuan.
32. Beberapa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000 yang melarang kemasukan artikel larangan adalah seperti yang berikut:

3.1 Peraturan 122

Kesalahan kecil penjara

122. Berikut ialah kesalahan kecil penjara:

...(c) menyorokkan apa-apa jua pun artikel;

(d) memiliki apa-apa artikel yang tidak dibenarkan...

3.2 Peraturan 123

Kesalahan besar Penjara

123. Berikut ialah kesalahan-kesalahan besar penjara:

...(c) mempunyai dalam milikan atau di bawah kawalan atau jagaan atau mengagihkan atau menyalahgunakan apa-apa dadah berbahaya atau bahan atau tembakau atau apaapa senjata berbahaya; ...

3.3 Peraturan 216

Memeriksa pegawai penjara, Pengawai Perubatan dan lain-lain lagi

216. Mana-mana pegawai penjara, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian atau kakitangan penjara yang diambil kerja oleh jabatan penjara boleh diperiksa dengan perintah Pegawai yang Menjaga pada bila-bila masa.

3.4 Peraturan 251

Memeriksa pegawai penjara

251. Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah mengizinkan dirinya untuk diperiksa di dalam penjara.

3.5 Peraturan 252

Mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, dsb. dan perintah-perintah

252. Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah mematuhi dengan tegas semua undang-undang bertulis, peraturan, dan perintah tetap yang berhubungan dengan penjara dan hendaklah mematuhi segala perintah yang sah di sisi undang-undang, sama ada bertulis atau lisan, daripada pegawai-pegawai yang lebih kanan daripada mereka dalam perkhidmatan itu.

3.6 Peraturan 260

Perdagangan dengan banduan

260. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menyampaikan apa-apa perhubungan, bungkusan atau artikel kepada atau daripada mana-mana banduan tanpa perintah Pegawai yang Menjaga.

3.7 Peraturan 216

Tembakau atau arak

216. Seseorang pegawai penjara tidak boleh menggunakan tembakau atau arak berspirit atau berperam dalam kawasan mana-mana penjara.

33. Berdasarkan kepada 12 peruntukan peraturan-peraturan yang telah dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa undang-undang telah menggariskan dengan secukupnya tentang kawalan terhadap kemasukan barang-barang salah atau artikel larangan ke dalam penjara.
34. Daripada pemerhatian dan kajian di atas, aspek larangan dapat dilihat terbahagi kepada dua iaitu—
- 34.1 halangan kemasukan artikel larangan ke dalam penjara; dan
- 34.2 perkara yang berkaitan dengan pemeriksaan banduan, pegawai penjara atau mana-mana orang yang mempunyai urusan di dalam penjara secara ketat namun menjaga batas-batas kemanusiaan.
35. Secara keseluruhannya, kesalahan membawa masuk artikel larangan ke dalam merupakan suatu kesalahan yang dianggap serius oleh Jabatan Penjara dan hukuman yang diperuntukkan dalam Akta 537 dan peraturan-peraturan yang digubal di bawah Akta 537 dengan jelas menghukum pelakunya dengan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

BAGAIMANA CARA KEMASUKAN ARTIKEL LARANGAN KE DALAM PENJARA?

36. Kemasukan artikel larangan ke dalam penjara boleh berlaku melalui beberapa cara yang antaranya ialah melalui oleh segelintir pegawai penjara sendiri.

Mereka merupakan pegawai penjara yang pada masa melakukan perbuatan jenayah tersebut telah hilang sifat amanah, integriti dan jatidiri sehingga sanggup menggadaikan maruah diri dan jabatan semata-mata untuk mendapatkan pendapatan yang lebih dengan melakukan urusan jual beli artikel larangan ke dalam penjara.

37. Berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan, artikel larangan seperti dadah dan tembakau dijual dengan harga yang tidak boleh diterima akal iaitu harganya boleh mencecah kepada RM200.00 bagi sebungkus tembakau yang hanya berharga RM1.50 di luar penjara. Oleh kerana wujudnya permintaan dan harga yang berkali-kali ganda tinggi menyebabkan segelintir golongan warden penjara ini tewas dengan ganjaran duit atau keuntungan sehingga sanggup menggadaikan maruah diri dan jawatan mereka.
38. Daripada '*intelligence report*' yang dijalankan oleh Jabatan Penjara melalui temubual yang dijalankan dalam kajian ini, pembayaran dibuat secara licik dan sistematik iaitu melalui pendekatan "*tembak akaun*". Melalui cara ini, keluarga banduan yang berada diluar penjara telah dihubungi oleh banduan yang berada di dalam penjara melalui panggilan wartel atau telefon bimbit yang turut diseludup masuk ke dalam penjara. Panggilan juga boleh dibuat oleh pegawai penjara yang menjadi pengurus penyeludupan artikel terlarang ke dalam penjara kepada keluarga banduan setelah memperoleh nombor telefon daripada banduan.

39. Melalui panggilan tersebut, maklumat pembayaran seperti nombor akaun, nombor telefon dan kod rahsia diberikan kepada penerima panggilan telefon dan sejumlah wang seperti yang dipersetujui akan dimasukkan ke dalam akaun yang telah ditetapkan. Maklumat pembayaran yang telah dibuat akan disampaikan melalui panggilan telefon kepada nombor yang mengarahkan kemasukan duit dibuat dan kod rahsia digunakan bagi menentukan banduan mana dan di blok apa yang keluarganya atau rakannya memasukkan wang tersebut. Setelah dimaklumkan kod rahsia tersebut dan kemasukan wang ke dalam akaun telah disahkan, artikel larangan akan dibawa masuk oleh 'Pegawai Penjara' yang berkenaan ke dalam penjara.

ADAKAH PEGAWAI PENJARA YANG MASUK KE DALAM PENJARA TIDAK DIPERIKSA?

40. Maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa pegawai-pegawai tersebut diperiksa secara total bagi kemasukan kali pertama melaporkan diri untuk bertugas. Walau bagaimanapun, atas budi bicara, pegawai penjara yang sedang bertugas dibenarkan keluar untuk makan dan pada kemasukan kali kedua dan seterusnya pemeriksaan adalah agak longgar dan peluang diambil terhadap pemeriksaan yang longgar tersebut dan adakalanya juga kesepakatan telah dipersetujui dengan pegawai yang memeriksa.
41. Kemasukan artikel larangan ke dalam penjara juga boleh berlaku melalui cara yang mana ianya dibawa masuk oleh banduan itu sendiri. Artikel larangan tersebut dibawa masuk oleh banduan dengan cara menyembunyikan di dalam

lubang dubur bagi banduan lelaki dan termasuk alat sulit bagi banduan wanita atau secara menelan melalui mulut dan dikeluarkan secara manual atau melalui proses membuang air besar jika ditelan. Artikel larangan seperti dadah dan tembakau tersebut boleh berlaku melalui pemberian oleh ahli keluarga semasa banduan dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan atau urusan-urusan jual beli ketika banduan berada sama ada 'di lokap polis di mahkamah' atau 'di lokap polis di balai polis' semasa ditahan sebelum dihantar ke penjara.

42. Cara atau medium kemasukan artikel-artikel larangan ke dalam penjara melalui cara ini tidak terhad hanya kepada penjara di Malaysia tetapi merupakan cara yang berlaku secara lumrah hampir kepada mana-mana jua penjara di dunia. Cara kemasukan artikel larangan sedemikian amat sukar dikesan kerana artikel larangan terbabit berada di dalam tubuh seseorang banduan. Artikel larangan yang dibawa masuk melalui cara tersebut dibungkus dengan cara dimampatkan dengan saiz dan bentuk yang pelbagai.
43. Kes yang melibatkan pelakon Benjy atau nama sebenarnya Khaireyll Benjamin Ibrahim boleh dijadikan suatu ilustrasi yang jelas. Beliau telah ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia kerana disyaki menyembunyikan dadah jenis syabu seberat 14 gram di dalam duburnya. Berita itu disahkan oleh Ketua Jabatan Kastam Kualanamu, Zaky Firmansayah yang memberi kenyataan bahawa "*Setelah pemeriksaan dilakukan, pihak kami menemui dua bungkus syabu seberat 14 gram yang disembunyikan di dalam dubur*".⁹

⁹ <http://www.gempak.com/artikel/4520/sorok-syabu-dalam-dubur-benjy-ditangkap-di-indonesia>

44. Banduan pra-bebas yang ditugaskan bekerja di luar kawasan penjara turut menjadi dalang memasukkan artikel larangan ke dalam penjara. Banduan pra-bebas tersebut lazimnya menyapu, menjaga kebersihan serta menyelia kawasan lanskap di kawasan sekitar penjara. Artikel larangan akan dicampak atau ditinggalkan oleh keluarga banduan yang datang berjumpa banduan berdasarkan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara. Perhubungan adalah melalui panggilan telefon dan tidak boleh berjumpa secara berdepan dan tiada sentuhan semasa proses perjumpaan.
45. Ketika perhubungan melalui panggilan telefon dibuat, keluarga banduan yang berada di luar penjara akan memaklumkan bahawa artikel larangan telah dibawa dan akan dibuang atau dicampakkan di kawasan-kawasan tertentu. Maklumat campakan artikel larangan tersebut akan disampaikan kepada banduan pra-bebas dan mereka akan bertindak mengutip artikel larangan yang telah dibungkus rapi dengan cara dimampatkan tersebut dan kemudiannya membawa artikel larangan tersebut ke dalam penjara. Proses kemasukan adalah sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, iaitu kemasukan melalui dubur.
46. Pihak Jabatan Penjara telah secara teliti melaksanakan proses pemeriksaan yang ketat terhadap banduan yang keluar dan masuk ke dalam penjara. Berdasarkan kepada temubual dengan bekas banduan¹⁰, maklumat diperolehi bahawa pemeriksaan banduan yang masuk ke dalam penjara adalah melalui pemeriksaan yang sangat ketat sehinggakan setiap banduan yang masuk ke

¹⁰ ibid

penjara diarahkan berbogel dan pegawai terbabit akan memeriksa anus banduan tersebut. Walau bagaimanapun, metodologi tersebut susah untuk ditangkap dan seringkali terlepas masuk artikel larangan dalam bentuk dadah atau tembakau dan telefon bimbit ke dalam penjara.

47. Artikel larangan juga boleh dibawa masuk ke dalam penjara melalui penghantaran menggunakan alat 'drone'. Selari dengan kecanggihan teknologi, bekas banduan ada berkomunikasi dengan banduan di dalam penjara dan bekas banduan terlibat akan menghantar artikel larangan tersebut melalui *drone* dan menjatuhkannya di lokasi yang telah dipersetujui. Namun demikian, langkah kemasukan seperti berikut amat mudah ditangkap kerana di setiap penjara terdapat menara pos pengawal di tembok penjara dan seringkali *drone* tersebut dapat ditembak jatuh. Walau bagaimanapun, pengemudi *drone* tersebut tidak dapat ditahan, seperti dilaporkan berikut:

“LONDON 21 Dis. – Sebuah drone yang menyeludup ganja dilaporkan terhempas di sebuah penjara di negara ini, dipercayai untuk kegunaan banduan sempena Hari Krismas. Mail Online melaporkan, drone yang turut membawa telefon bimbit dan pengecas ba-teri itu terhempas di Category B, Penjara Bullingdon di Bicester, Oxfordshire. Drone berkenaan ditemui kakitangan penjara dan dipercayai dihantar oleh orang luar untuk kegunaan banduan sempena perayaan Krismas pada 25 Disember ini. Sumber berkata, drone tersebut mampu memasuki kawasan penjara dengan mudah kerana Penjara Bullingdon tidak dilengkapi kemudahan kamera litar tertutup (CCTV). Penghantaran telah dirancang dengan begitu rapi. Kami tidak dapat sahkan

berapa kalikah drone telah memasuki penjara ini untuk melakukan aktiviti penyeludupan,”¹¹

48. Berdasarkan kepada teknologi yang terkini, ia menjadi suatu pendekatan yang baharu bagi penghantaran artikel larangan ke dalam penjara dan langkah mengatasinya hendaklah dikuatkuasakan dalam kadar yang segera.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL BAGI MENGATASI KEMASUKAN ARTIKEL LARANGAN KE DALAM PENJARA

49. Demi memastikan imej Jabatan Penjara terpelihara dan Institusi Pemenjaraan dipandang tinggi selaras dengan motto Jabatan Penjara “***Cheerful, Sincere and Dedicated: Shall faithfully carry out departmental duties to uphold the national criminal legal system and shoulder the task of rehabilitation of offenders entrusted upon the department by the nation with full responsibility and dedication***”, langkah-langkah membanteras gejala kemasukan artikel terlarang ke dalam penjara hendaklah dikenalpasti, dikuatkuasakan dan dipantau secara berterusan.
50. Menaikan gaji pegawai penjara sewajarnya dipertimbangkan oleh pengurusan tertinggi Jabatan Penjara. Ini adalah kerana mata gaji ke atas pegawai penjara didapati antara yang terendah dalam perkhidmatan awam. Jika dibuat perbandingan dengan badan-badan penguatkuasaan yang lain, skala gaji

¹¹ <https://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/drone-seludup-dadah-terhempas-di-penjara-1.171609>

pegawai penjara adalah yang paling terendah sedangkan tugas pegawai penjara pula adalah di antara yang berisiko tinggi kerana terdedah dengan pelbagai ancaman khususnya penyakit dan ancaman keselamatan diri ketika menguruskan banduan yang berisiko tinggi.

51. Melalui pendekatan ini, adalah diharapkan agar pegawai penjara tidak akan mudah tertarik untuk terlibat melakukan 'urusniaga' dengan banduan untuk memasukkan artikel terlarang ke dalam penjara. Pengerusi Kongress Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CEUPACS) pada tahun 2013 membuat seruan kepada kerajaan untuk mengkaji semula gred gaji pegawai penjara melalui kenyataan seperti yang berikut:

“KAJI SKIM, GRED GAJI ANGGOTA PENJARA: Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu kerajaan mengkaji semula skim dan gred gaji penjawat awam yang berkhidmat di penjara di seluruh negara. Presidennya, Datuk Omar Osman berkata, skim penjawat awam yang berkhidmat di penjara jauh ketinggalan ke belakang dan tidak relevan kini. “Skim gaji dan gred pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah pun diselaraskan. “Namun, kakitangan dan pegawai penjara masih terbelenggu dengan skim gaji 15 tahun lalu dan ianya tidak relevan dengan tanggungjawab dan peranan mereka yang amat besar,” katanya pada sidang media selepas melawat Penjara Seremban, semalam. Menurutnya, antara tuntutan Cuepacs kepada kerajaan ialah menaikkan insentif khas, elaun guru kemahiran, elaun kerja

lebih masa dan mengkaji gred, pangkat, dan gaji kakitangan dan pegawai termasuk pengarah yang dilihat amat rendah dan tidak munasabah.¹²

52. Mewujudkan suatu sistem pemeriksaan dan pengimbasan yang lebih canggih yang dapat mengenalpasti objek asing yang terdapat di dalam tubuh manusia juga harus dilakukan. Penyeludupan artikel larangan yang sering dilaporkan adalah melalui kemasukan oleh banduan yang menyorokkan dan menyeludup artikel larangan tersebut ke dalam tubuh mereka dan oleh yang demikian perlu suatu alat atau *scanner* canggih yang dapat dan boleh mengenalpasti bahan asing di dalam tubuh badan pegawai penjara atau banduan yang masuk ke dalam penjara. Tidak dinafikan bahawa peralatan sedemikian telah wujud namun ia tidak berfungsi secara sepenuhnya yang menyumbang kepada berlakunya kemasukan artikel-artikel larangan tersebut ke dalam penjara.
53. Jabatan Penjara sewajarnya memastikan kebajikan pegawai penjara terjaga dan diperuntukkan dengan sewajarnya bagi mengelakkan mereka daripada sering bercampur gaul dengan bahagian di luar penjara semasa menjalankan tugas seperti perlu ke luar penjara untuk makan dan minum. Dengan demikian, kebarangkalian kejadian pegawai penjara yang keluar makan dan minum dan tidak diperiksa dengan ketat pada kemasukan bertugas ke dalam penjara selepas pegawai penjara keluar makan dan minum akan dapat dielakkan sama sekali. Kemasukan artikel terlarang ke dalam penjara melalui modus operandi sebegini akan dapat diatasi.

¹² <http://cuepacs.blogspot.com/2013/05/kaji-skim-gred-gaji-anggota-penjara.html>

54. Memperbanyak bilangan kamera litar tertutup di dalam penjara dan kawasan sekitar penjara akan juga dapat mengurangkan kebarangkalian berlakunya kemasukan artikel terlarang ke dalam penjara. Keberadaan kawalan manusia bukanlah pada peringkat maksima pada setiap masa dan oleh yang demikian alat bantuan pemerhatian dalam bentuk kamera litar tertutup akan membantu menghalang penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara.
55. Jika kemudahan ini tidak dapat disediakan, sewajarnya Jabatan Penjara hendaklah memastikan setiap anggota pegawai penjara yang keluar dan masuk penjara pada sebarang ketika waktu hendaklah diperiksa dengan begitu ketat dan dirakamkan oleh kamera litar pintas. Dengan demikian, sebarang kelonggaran pemeriksaan keselamatan ke atas pegawai penjara akan sentiasa dipantau dan ketirisan yang menjurus kepada kemasukan artikel terlarang ke dalam penjara akan dapat diminimakan jika tidak dapat dihapuskan sama sekali.
56. Jabatan Penjara juga sewajarnya meningkatkan kekerapan membuat pemeriksaan mengejut atau "*spot check*" atau ke atas pemeriksaan berkala terhadap banduan. Ini adalah bagi maksud memastikan banduan sentiasa diperiksa daripada memiliki artikel larangan di dalam penjara khususnya bagi banduan yang terlibat dengan kesalahan berkaitan dengan narkotik.

57. Meluaskan '***Kempen Artikel Larangan Sifar di dalam Penjara***' sepertimana yang telah diadakan di Penjara Pulau Pinang ke penjara di negeri-negeri lain. Kepakaran pengurusan oleh Penjara Pulau Pinang menganjurkan kempen tersebut boleh dikongsikan kepada pengurusan penjara-penjara di negeri lain di Malaysia. Kempen tersebut perlulah mendapat kerjasama badan-badan yang berkaitan yang lain dalam memberikan bantuan teknikal dan latihan sumber manusia yang berstrategik.
58. Akhir sekali, pendekatan agama melalui penerapan nilai-nilai murni dalam program-program pemulihan banduan sangat penting dalam membentuk peribadi yang baik untuk banduan berubah dan kembali ke pangkuan masyarakat. Jati diri banduan yang mampu dipertingkatkan akan dengan sendirinya mendorong mereka meninggalkan daripada mendekati, memiliki atau menggunakan artikel larangan.

PENUTUP

59. Kemasukan artikel terlarang ke dalam penjara merupakan bukanlah merupakan suatu fenomena yang baharu. Ia merupakan suatu aktiviti yang telah berlaku secara turun temurun diakibatkan adanya ruang untuk para pelakunya melakukan perbuatan tersebut. Tiada sebarang formula yang dapat membasmikan perlakuan ini secara muktamad. Ia memerlukan bukan saja sistem pentadbiran, perundangan dan latihan sumber manusia yang berintegriti dan mampan dan kelengkapan peralatan pemantauan yang canggih dan mencukupi tetapi juga kesedaran dan sokongan daripada ahli keluarga

banduan bagi memastikan banduan-banduan dibantu sepenuhnya untuk berubah dan kembali ke pangkuan masyarakat.